

08 AUG 2001

MRCB-PERUBAHAN

DUA MUKA MUDA AKAN TERAJUI MRCB?

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Dua orang perunding perniagaan yang dahulunya berkhidmat dengan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd dikatakan akan menerajui konglomerat Malaysian Resources Corporat Bhd (MRCB) tidak lama lagi.

Menurut sumber, Abdul Rahman Ahmad, 31, dan Shahril Ridza Ridzuan, 30, yang kedua-duanya merupakan lulusan Universiti Cambridge, masing-masing akan menjadi ketua eksekutif dan pengarah eksekutif syarikat itu.

Kedua-dua mereka meninggalkan Danaharta kira-kira satu setengah tahun yang lepas untuk menubuhkan firma perunding mereka sendiri. Setakat ini, belum diketahui kepentingan siapakah yang mereka wakili.

Kemasukan kedua-dua anak muda ke dalam MRCB dijangka menyebabkan Datuk Seri Abdul Rahman Maidin yang kini merupakan presiden syarikat itu, menjadi pengerusi bukan eksekutif.

Abdul Rahman mempunyai 25 peratus ekuiti dalam MRCB menerusi sebuah syarikat yang dikenali sebagai Realmild Sdn Bhd.

Perkembangan terkini di sekitar MRCB dilihat sebagai tindakan tegas pihak berkuasa dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang dianggap strategik kepada negara tetapi menanggung hutang yang besar.

Datuk Azman Yahya yang mengambil alih sebagai pengerusi Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) dan menjadi pengerusi bukan eksekutif Danaharta pada 1 Ogos, telah menyatakan bahawa tarikh akhir akan ditetapkan bagi syarikat-syarikat seperti itu membuat keputusan bagaimana hendak menyelesaikan bebanan kewangan mereka.

MRCB yang ditutup enam sen lebih tinggi pada RM1.43 dengan 6.982 juta saham bertukar tangan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) hari ini, mempunyai kepentingan dalam pembangunan hartanah dan penjana kuasa.

Ia juga terlibat dalam penerbitan akhbar menerusi The New Straits Times Press Bhd yang menerbitkan akhbar harian berbahasa Inggeris, News Straits Times, dan akhbar harian berbahasa Malaysia, Berita Harian.

Ia juga mempunyai kepentingan dalam bidang penyiaran menerusi Sistem Televisyen Malaysia Bhd (TV3).

Dianggarkan hutang MRCB berjumlah RM1.5 bilion pada akhir Mei tahun ini.

MRCB, sementara itu, telah memulakan usaha penjualan sebahagian aset-asetnya bagi mengurangkan beban hutangnya.

Semalam, Abdul Rahman Maidin berkata MRCB berharap akan selesai menjual 22.7 peratus kepentingan dalam Rashid Hussain Bhd (RHB) kepada Utama Banking Group Bhd pada harga RM399.48 juta menjelang 31 Ogos.

Penjualan saham RHB kepada Utama Banking pada harga RM3.80 sesaham itu adalah jauh lebih rendah daripada harga purata RM15.80 yang dibayar oleh MRCB ketika mendapatkan saham-saham RHB itu pada 1997.

Harga penjualan saham berkenaan kepada Utama Banking, bagaimanapun, lebih tinggi daripada harga saham RHB sekarang yang ditutup pada RM2.05 sesaham hari ini.

Para pemerhati pasaran melihat usaha penjualan aset oleh MRCB sebagai "jualan terpaksa" dalam usaha untuk menghalang campur tangan oleh pihak berkuasa.

MRCB telah lama cuba untuk menjual pelaburannya dalam RHB tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana keadaan pasaran yang lesu.

Sejak beberapa bulan lepas, kerajaan, menerusi sayap pelaburannya,

Khazanah Nasional Bhd, telah campur tangan dalam syarikat-syarikat yang mencatat kerugian seperti Malaysian Airline System Bhd (MAS) serta baru-baru ini, United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM) dan Renong Bhd.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah ditanya oleh pemberita samada kerajaan akan campur tangan dalam MRCB. Beliau menjawab: "Tidak, setakat ini."

Perkembangan terkini tentang MRCB masih samar-samar selagi belum ada pengumuman rasmi dari syarikat itu.

Bagaimanapun, para pemerhati melihat seolah-olah Azman yang menjadi pengerusi CDRC telah memutuskan untuk mempercepatkan penstrukturan semula syarikat-syarikat yang bermasalah. -- BERNAMA

SHY FR JR